

PRU & PRN Kenapa Pilihan Raya Dua Kali?



PRU dan PRN?

- PRU atau Pilihan Raya Umum.
- Untuk menentukan parti mana yang akan menjadi kerajaan Malaysia, siapa yang akan dipilih menjadi Perdana Menteri dan siapa yang akan mengisi kabinet menteri.
- Kawasan yang terlibat didalam PRU pula dipanggil Parlimen. Dalam Malaysia kita ada sebanyak 222 kerusi Parlimen.
- Mana-mana calon yang menang dalam PRU akan menjadi ahli Dewan Rakyat. Tujuan dewan ini bagi menggubal dasar dan undang-undang negara.
- PRN ialah Pilihan Raya Negeri.
- Dalam PRN, undian adalah untuk menentukan parti mana yang akan memimpin kerajaan negeri dan siapa yang akan menjadi Menteri Besar bagi negeri tersebut.
- Calon yang menang dalam PRN akan menjadi ahli DUN atau Dewan Undangan Negeri. Bilangan kerusi DUN adalah berbeza bagi setiap negeri.



Kenapa pilihanraya kali ni berbeza?

- Kenapa PRU15 berbeza dengan PRU sebelumnya?
- Ada beberapa faktor, dan antaranya adalah berkait rapat dengan kestabilan politik negara.
- Ismail Sabri Yaakob yang ketika itu menjadi Perdana Menteri telah membubarkan Parlimen langsung membuka laluan kepada pilihan raya **mengejut dalam tempoh 60 hari**.
- Tindakan beliau adalah dimaklumkan bagi menghentikan persoalan mengenai **legitimasi kerajaan pimpinannya**.
- Memandangkan tempoh tersebut jatuh pada musim tengkujuh, ada beberapa negeri yang mengambil keputusan untuk tidak terlibat bagi menjalankan pilihanraya peringkat DUN.
- Maka 3 negeri pimpinan parti PAS iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu serta 3 negeri pimpinan parti Pakatan Harapan iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan bakal menjalankan **PRN pada Ogos 2023**.

"Mandat akan dikembalikan kepada rakyat"
Ismail Sabri
10 Oktober 2022



Tarikh penting Pilihanraya Negeri 2023 (PRN)

Hari Penamaan Calon
29 JULAI 2023 (SABTU)

Hari Mengundi Awal
8 OGOS 2023 (SELASA)

Hari Mengundi
12 OGOS 2023 (SABTU)

Kerusi bagi setiap negeri yang terlibat PRN2023

- | | |
|--|--|
| ● Dewan Negeri Kedah
36 kerusi | ● Dewan Undangan Pulau Pinang
40 kerusi |
| ● Dewan Negeri Kelantan
43 kerusi | ● Dewan Negeri Selangor
56 kerusi |
| ● Dewan Undangan Negeri Terengganu
32 kerusi | ● Dewan Negeri Negeri Sembilan
36 kerusi |